

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2007/2008

Jun 2008

**JMG 314 - Geomorfologi**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. “Geomorfologi merupakan salah satu daripada cabang sains yang telah mengalami banyak perubahan dari segi pendekatan terhadap kajiannya”. Bincangkan.  
(25 markah)
  
2. (a) Mengapakah haba dan tekanan merupakan dua aspek penting dalam kitaran batuan?  
(10 markah)
  
- (b) Bagaimanakah analisis jenis batuan boleh menolong ahli-ahli geomorfologi untuk memahami bentuk muka bumi di sesuatu kawasan?  
(15 markah)
  
3. Bincangkan bagaimana proses glasier lurah dapat memberi kesan ke atas pandang darat fizikal di kawasan latitud sederhana.  
(25 markah)
  
4. Iklim merupakan faktor utama dalam mempengaruhi proses luluhawa di kawasan beriklim Tropika Lembab. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?  
(25 markah)
  
5. Bincangkan sumbangan-sumbangan yang boleh diberikan oleh ahli-ahli geomorfologi dalam menangani masalah tanah runtuh di negara ini.  
(25 markah)
  
6. Dengan merujuk contoh-contoh yang sesuai, bincangkan peranan ombak dalam mengukir pandang darat pinggir pantai.  
(25 markah)